

## RUMPUT PASTURA: SPLENDIDA (*Setaria sphacelata* Var. *Splendida*)

### DESKRIPTIF MORFOLOGI:

Kebanyakan rumpun pokok *Setaria sphacelata* adalah kompleks dan paling tegap. Ketinggian batang sehingga > 3m tinggi, dengan rizom pendek. Daun hijau kekelabuan, lembut dan berbulu besar. Panjang daun antara 30-80sm panjang dan sehingga 2sm lebar. Bahagian bawah pucuk dan kulit yang meliputi daun rumput adalah mampat dan melunas. Penghasilan bijih benih kebanyakannya adalah sedikit atau tiada. Kesan racun rumpai adalah mudah dipengaruhi oleh campuran atrazine dan boleh dikawal dengan glifosat. Kekuatan pastura ini adalah kualiti makanan tinggi, baik untuk sistem potong dan angkut, toleransi kawasan kurang bersaliran dan dapat hidup di kawasan kurang subur. Mempunyai batas-batas seperti rendah kandungan sodium dibeberapa tempat, kandungan oksalat tinggi (tidak boleh beri makan kuda) dan penanaman secara vegetatif.

### KEGUNAAN

Pastura kekal, hay, silaj, potong dan angkut, dan pengekelan tanah.

### EKOLOGI:

#### **Keperluan tanah:**

Tumbuh dikebanyakan jenis tanah pada keadaan kelembapan tersedia. Boleh hidup di kawasan kurang subur dan bertindakbalas baik dengan aplikasi nitrogen dan fosforus, dan kadangkala K pada tanah kurang subur.

#### **Kelembapan:**

Tumbuh di kawasan purata hujan tahunan > 1000 mm. Boleh hidup dalam musim kemarau panjang tetapi terbaik dengan ketiadaan atau musim kering yang pendek. Toleransi kepada keadaan banjir.

#### **Suhu:**

Tumbuh baik di kawasan tropika dan sub-tropika

Dicetak oleh: JPHT Sabah, 2007  
Ruj: JPHT(T)KK/100-35/3(25)

dan secara umumnya beradaptasi kepada kawasan tropika dari *Setaria sphacelata* var. *anceps*.

#### **Cahaya:**

Toleransi terhadap kawasan kurang teduh

#### **Penuaian**

Tahan walaupun selalu dipotong atau ragut, tetapi memerlukan kawalan pengurusan yang baik untuk mencapai hasil optimum. Kombinasi terbaik untuk kualiti dan tumbuh semula, apabila tumbuhan dipotong hingga 30-45 sm setiap 30 hari.

### AGRONOMI:

#### **Penanaman:**

Menghasilkan kurang bijih benih yang dapat berkembang. Ditanam dengan keratan batang. Dipotong jarak antara 15sm dan dipisahkan kepada beberapa bahagian dengan 2-3 tangkai; bahan tanaman mestilah segar (tidak dibiarkan menjadi kering), ditanam dengan bahagian atas terdedah pada jarak tanaman 70 x 90sm hingga 45 x 100sm.

#### **Pembajaan:**

Bertindakbalas baik aplikasi nitrogen, jika nutrien lain adalah mencukupi.

### NILAI PEMAKANAN:

#### **Nilai nutrisi:**

Kandungan protón kasar 8.5%, 0.33% P, 4.94% K, dan 0.20% Ca.

#### **Kesukaan/penerimaan:**

Dimakan dengan baik oleh ternakan pelbagai kelas, tetapi tidak sesuai untuk kuda.

#### **Ketoksikkan:**

Kandungan oksalat dari 4.5-6.7% dari bahan kering tumbuh semula berumur 3 minggu. Kandungan tinggi ini boleh menyebabkan '*big head disease*' (*Osteodystrophia fibrosa*) pada kuda dan '*milk fever*' (*Hypocalcaemia*) disebabkan oleh kurang kalsium dalam darah. Pemberian kepada lembu dan

mengekal pengambilan setaria memperkembangkan bakteria rumen yang boleh menyahtoksin oksalat. '*Grass staggers*' (*Hypomagnesia*) boleh juga berlaku pada ternakan meragut *Setaria sphacelata* var. *splendida*, penyakit yang disebabkan oleh kurang magnesium dalam sistem darah, dorongan akibat rendah kadar Mg dan tinggi K dalam makanan.

### POTENSI HASIL

#### **Bahan kering:**

Hasil tahunan antara 4 hingga 24 t/ha bahan kering, bergantung pada kesuburan dan kelembapan.

#### **Produksi haiwan:**

Tiada maklumat, kemungkinan hampir sama dengan *Setaria sphacelata* var. *anceps*.

## RUMPUT PASTURA: GUATEMALA (*Tripsacum andersonii*)

### PENGENALAN

Spesies ini biasanya dikenali sebagai *Tripsacum laxum* Nash di dalam penulisan/rujukan pertanian. Nama biasa rumput ini ialah rumput Guatemala atau rumput jelai di Malaysia. Rumput ini berasal daripada bahagian tengah dan utara Amerika Selatan. Sekarang rumput ini diedar secara meluas dan ditanam untuk makanan binatang ternakan.

### HURAIAN MORFOLOGI

Rumput ini merumpun dan membesar dengan ketinggian sehingga 5m dengan keadaan yang tidak teratur atau kusut dan berbatang serta berakar. Hujung batang bunga mencapai sehingga 3m tinggi dan berdiameter 5cm dibahagian pangkal. Daunnya mencapai 120cm panjang dan lebar mencapai hingga 10cm. Permukaan atas dan bawah daun mempunyai hujung yang tirus serta permukaan atas daun adalah kasar dan berbulu.

## KEGUNAAN

Rumput ini baik untuk sistem potong dan angkut terutamanya berguna sebagai makanan hijau (rumput) semasa keadaan kering/kemarau. Ia juga boleh digunakan untuk pembikinan silaj yang berkualiti rendah dan sederhana.

## EKOLOGI

### **Kesesuaian Tanah**

Tumbuh dengan baik di tanah yang subur dan boleh bertahan pada tanah yang mempunyai kadar pH yang rendah (tanah yang masam).

### **Kelembapan**

Memerlukan taburan hujan yang baik atau kelembapan tanah tetapi boleh bertahan musim kering yang pendek. Dilaporkan rumput ini lebih tahan daripada rumput gajah (*Pennisetum purpureum*) dalam cuaca yang kering. Rumput ini juga boleh tumbuh dikawasan yang bertakung air.

### **Suhu**

Kebiasaannya tumbuh pada kawasan dataran cuaca tropika yang lembap tetapi tumbuh dengan sederhana di ketinggian sehingga 1,800m.

### **Cahaya**

Tumbuh dengan baik di bawah 50% lindungan pokok.

### **Pertumbuhan**

Tidak tahan ragutan atau pemotongan yang kerap. Pemotongan yang baik adalah pada jarak masa antara 30 hari semasa musim lembap dan antara 42 – 45 hari pada musim kering.

### **Api**

Tidak mudah mati dibakar dan akan ditumbuh semula daripada batang dan rizom.

## AGRONOMI

### **Penanaman**

Penanaman adalah menggunakan batang yang dipotong bersama 3 ruas dengan jarak tanaman 0.5m x 1m. Rumput mula dipotong 4 – 6 bulan selepas penanaman.

### **Baja**

Penggunaan baja diperlukan bagi mengoptimumkan.

### **Kesesuaian Dengan Spesies Lain**

Boleh tumbuh bersama pokok kekacang atau bersama pokok-pokok pelindung.

## NILAI PEMAKANAN

### **Nilai Khasiat**

Banyak bergantung kepada kekerapan pemotongan kerana batang menjadi berserabut dengan kematangan pokok. Kebiasaannya, kandungan protein adalah rendah sekiranya kurang penjagaan. Dengan penggunaan baja nitrogen, kandungan protein kasar pada daun adalah tinggi.

### **Penerimaan**

Baik ketika daun masih muda.

### **Bahan Kering**

Pengeluaran bahan kering adalah di antara 18 – 22 t/ha/tahun, pada kadar pemotongan di antara 10 – 25 cm di atas permukaan tanah.

# RUMPUT PASTURA:

## SPLENDIDA & GUATEMALA



**JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN  
DAN PERUSAHAAN TERNAK  
SABAH**

Tel: 088-287400; Fax: 088-238418  
Laman Web: <http://www.sabah.gov.my/hwan>

*“Pertanian Adalah Perniagaan”*